

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK  
ABDUL AZIZ [ BACHOK ]**

**SOALAN**

**TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [ BACHOK ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh mana manfaat daripada portal pencarian pekerjaan seperti MyFutureJobs memberikan tumpuan kepada penduduk di luar bandar.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

MyFutureJobs adalah portal pekerjaan nasional yang diperkenalkan untuk membantu majikan dan pencari kerja mendapatkan pekerjaan. Portal ini dikendalikan sepenuhnya oleh pihak Kerajaan. Ianya adalah terbuka kepada awam dan boleh dilayari secara percuma. Tiada sebarang caj dikenakan kepada pencari kerja dan majikan yang berdaftar dan menggunakan portal MyFutureJobs berbanding penyedia perkhidmatan pekerjaan swasta lain.

Semenjak pelancaran portal MyFutureJobs pada tahun 2020 sehingga 22 Oktober 2021, sebanyak 1,201,806 jumlah pencari pekerja telah didaftarkan. Manakala seramai 402,180 orang pencari kerja telah berjaya mendapatkan pekerjaan.

Portal MyFutureJobs telah menjalinkan kerjasama strategik dengan agensi pekerjaan swasta seperti *JobStreet*, *LinkedIn*, *Maukerja*, *WOBB*, *MyStarjob.com*, *FastJobs*, *GradJobs.com*, *Project Deep* dan *Monster* yang terdapat di Malaysia untuk meningkatkan peluang pekerjaan semua

pencari kerja di negara ini. Perkongsian strategik ini membolehkan MyFutureJobs untuk mempermudah dan meningkatkan peralihan pekerjaan dari Pencari Kerja kepada majikan yang menawarkan kekosongan.

Portal MyFutureJobs telah digunakan sebagai platform dalam melaksanakan Program Insentif Pengambilan Pekerja (*Hiring Incentive Programme*). Maklumat berkenaan program pencarian pekerjaan seperti Karnival Kerjaya, Mini Karnival Kerjaya dan temuduga terbuka dipaparkan di dalam portal MyFutureJobs dan ini secara tidak langsung akan memberi kemudahan kepada semua pencari pekerjaan penduduk yang berada di luar bandar.

Inisiatif promosi yang dilaksanakan merentasi pelbagai platform termasuklah media arus perdana cetak dan elektronik, laman web, media sosial dan juga platform digital. Selain memanfaatkan saluran berita, usaha mempromosi portal ini juga dibuat melalui pelbagai program temubual dan wawancara, infografik dan sebagainya. Usaha promosi secara berterusan ini turut dilaksanakan oleh 54 buah pejabat PERKESO dengan kerjasama pelbagai agensi dan majikan di seluruh negara khusus kepada semua penduduk di dalam dan di luar bandar.

Selain itu, MyFutureJobs merupakan portal pekerjaan sehenti yang menghimpunkan pelbagai peluang pekerjaan, program *reskilling* dan *upskilling* serta program-program keusahawanan dari pelbagai agensi. MyFutureJobs merupakan portal berteknologi tinggi dan terkini bagi membuat padanan pekerjaan berdasarkan kelayakan, kemahiran, pengalaman, gaji dan lain-lain mengikut keperluan majikan (*job matching*).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK  
ABDUL AZIZ [ BACHOK ]**

**SOALAN**

**TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [ BACHOK ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan langkah mengawal kualiti penjualan pulse oximeter dalam platform atas talian bagi mengelakkan pembelian produk yang palsu dan tidak menepati piawaian.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian mengambil maklum penjualan pulse oximeter di pasaran terutama secara online. Antara langkah yang diambil oleh Kementerian bagi mengawal kualiti penjualan pulse oximeter dalam platform atas talian bagi mengelakkan pembelian produk yang palsu dan tidak menepati piawaian adalah seperti berikut;

- i. Penguatkuasaan berterusan di seluruh negara sama ada melalui penguatkuasaan bersama dengan pemilik cap dagang (trade mark owner), penguatkuasaan secara proaktif atau tindakan penguatkuasaan berdasarkan aduan yang diterima daripada pemilik cap dagang mahupun daripada orang ramai;
- ii. Menjalankan pemeriksaan di premis pengendali pasar dalam talian supaya mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan seperti mempamerkan harga barangan atau perkhidmatan, penyimpanan dan penyenggaraan rekod nama, nombor telefon dan alamat peniaga online yang berniaga di platform mereka untuk tempoh dua (2) tahun;
- iii. Pemantauan dalam talian ke atas laman sesawang dan media sosial yang menawarkan perniagaan yang disyaki barangan tiruan berdasarkan aduan daripada pemilik cap dagangan berdaftar atau orang awam;
- iv. Menjalankan operasi bersepadu bersama agensi kerajaan yang berkaitan termasuk Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA), Kementerian Kesihatan Malaysia, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Polis Diraja Malaysia;
- v. Mengadakan taklimat pengecaman ciri-ciri produk tiruan kepada anggota penguatkuasa oleh pemilik cap dagangan;

- vi. Menjalinkan kerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi menghalang akses laman web (*Site Blocking*) dan penurunan kandungan (*contents removal*) bagi mana-mana sesawang perniagaan yang tidak beretika;
- vii. Berkerjasama dengan Pembekal Internet (ISP), Syarikat Telekomunikasi (Telcos) dan penyedia tapak dalam talian bagi mendapatkan maklumat pemilik laman sesawang atau pemilik talian komunikasi yang terlibat dengan penipuan pasar dalam talian; dan
- viii. Berkerjasama dengan penyedia tapak pasar dalam talian untuk memberikan pemakluman atau notis amaran di dalam tapak pasar mereka untuk memperingatkan pengguna supaya berhati-hati semasa menjalankan pembelian pasar dalam talian;
- ix. pemantauan ke atas laman sesawang, penyedia platform perniagaan dan media sosial berorientasikan perniagaan atas talian seperti Facebook, Instagram, Mudah.my dan lain-lain, berkaitan aktiviti penjualan dan pemasaran barang-barang tiruan termasuk pulse oximeter; dan
- x. Mengadakan kerjasama dengan pelbagai agensi penguat kuasa berasaskan bidang kuasa perundangan masing-masing seperti Kastam Diraja Malaysia (KDRM) dan agensi penguat kuasa lain melalui platform Pasukan Petugas Khas Harta Intelek (PPKHI) dengan menyelaraskan tindakan penguatkuasaan dan merangka tindakan bersepadu. Di samping itu juga, pihak industri yang mewakili persatuan bagi sektor industri tertentu seperti Persatuan Kosmetik, Persatuan Pengilang Tembakau dan lain-lain persatuan turut dilibatkan bagi memberikan pandangan dan kerjasama bagi melindungi hak dan kepentingan mereka dalam membanteras barang tiruan. Hasilnya, tindakan penguatkuasaan berkaitan barang tiruan dapat dilaksanakan dengan lebih pantas, cekap dan efektif.

Kementerian akan akan mengambil tindakan sekiranya mana-mana peniaga atas talian gagal mematuhi perundangan atau peraturan berdasarkan bidang kuasa sedia ada melalui penguatkuasaan seperti berikut :

**1. Akta Cap Dagangan 2019**

Di bawah Akta ini, jika mana-mana peniaga yang didapati menjual atau menawarkan untuk jualan barang-barang yang suatu cap dagang berdaftar dipakaikan dengan salah dan apabila disabitkan boleh didenda seperti berikut:

- a) Individu: Denda tidak melebihi RM10,000.00 bagi setiap barang yang memakai cap dagang secara salah
- b) Syarikat: Denda tidak melebihi RM15,000.00 bagi setiap barang yang memakai cap dagang secara salah

**2. Akta Perihal Dagangan 2011**

Sekiranya didapati mana-mana individu/peniaga yang melakukan kesalahan di bawah seksyen 5, Akta Perihal Dagangan 2011 berkaitan perihal dagangan palsu, didenda tidak melebihi RM100,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda tidak melebihi RM250,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

**3. Akta Perlindungan Pengguna 1999**

Dari segi penguatkuasaan penjualan dalam talian, terdapat peruntukan perundangan yang berkuatkuasa iaitu Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Urus Niaga Perdagangan Elektronik) 2012 yang telah berkuatkuasa pada 1 Julai 2013 bertujuan untuk mengawalselia urusan niaga pasar atas talian untuk;-

- i. Melindungi pengguna daripada peniaga pasar atas talian yang tidak beretika;

- ii. Memastikan pematuhan kepada peniaga atas talian untuk memaparkan di pasar atas talian maklumat membantu pengguna membuat pembelian atas talian;
- iii. Peraturan di atas mewajibkan peniaga atas talian untuk memaparkan maklumat dibawah semasa menjalankan perniagaan atas talian;
  - 1. Nama individu/perniagaan/syarikat;
  - 2. Nombor pendaftaran perniagaan/syarikat;
  - 3. Emel dan no.telefon atau alamat peniaga;
  - 4. Ciri-ciri utama barangan;
  - 5. Harga, termasuk kos penghantaran;
  - 6. Kaedah pembayaran;
  - 7. Terma dan syarat; dan
  - 8. Anggaran masa penghantaran.

Sekiranya peniaga gagal mematuhi peraturan ini; jika didapati bersalah dendanya adalah seperti berikut:

- a) Individu: Denda tidak melebihi RM50,000.00
- b) Syarikat: Denda tidak melebihi RM100,000.00

Sekian, terima kasih.